

JENAYAH BENCI: SUATU PENGENALAN

Yu Yi Lin & Rohaida Nordin

Abstrak

Fenomena jenayah benci dapat dikesan sejak tamadun purba seperti Empayar Rom dan salah satu kejadian jenayah benci yang paling ketara dalam sejarah adalah polisi "Final Solution" Hitler yang telah membawa kepada penghapusan orang-orang Yahudi dan juga pembinaan kem-kem kematian berskala penuh oleh kumpulan Nazi. Kejadian ini yang dinamakan "The Holocaust" merupakan titik hitam dalam sejarah dunia yang menyebabkan pembunuhan berjuta-juta orang. Pada kebelakangan ini, pembunuhan beramai-ramai oleh golongan ISIS (Islamic State of Iraq & Syria), iaitu kumpulan ekstremis agama, juga telah menyebabkan kematian berskala besar di Iraq dan Syria. Kebanyakan jenayah benci adalah bersifat impulsif, ganas dan tidak berperikemanusiaan serta membawa kesan serius bukan sahaja kepada mangsa itu sendiri tetapi juga kepada komuniti mangsa tersebut secara umum. Walaupun jenayah benci berterusan berlaku dalam kehidupan seharian kita, majoriti masyarakat masih kurang berpengetahuan tentang jenayah benci dan cara untuk menangannya. Dengan itu, artikel ini membincangkan mengenai definisi dan konsep jenayah benci serta sifat jenayah benci dan perbezaannya dengan jenayah tradisional. Artikel ini juga akan membincangkan tentang latar belakang dan sistem perundangan jenayah benci sebagai suatu undang-undang yang menangani isu jenayah benci.

Kata kunci: Jenayah benci; motif; bias; ciri-ciri yang dilindungi

1. PENGENALAN

"Everyone is entitled to all the rights and freedoms set forth in this Declaration, without distinction of any kind, such as race, colour, sex, language, religion, political or other opinion, national or social origin, property, birth or other status. Furthermore, no distinction shall be made on the basis of the political, jurisdictional or international status of the country or territory to which a person belongs, whether it be independent, trust, non-self-governing or under any other limitation of sovereignty."

– Perkara 2 Universal Declaration of Human Rights

Isu jenayah benci merupakan isu yang telah lama wujud dalam kehidupan seharian kita. Jenayah benci bukan merupakan jenayah tradisional yang terdapat dalam Kanun Keseksaan kita tetapi ia adalah sesuatu jenayah yang berasaskan kebencian seseorang individu atau kumpulan masyarakat terhadap individu dan masyarakat yang lain. Kesan yang dibawa oleh sesuatu jenayah benci adalah lebih berat dan meliputi komuniti yang lebih besar selain mangsa. Oleh itu, artikel ini berhasrat untuk mendedahkan konsep jenayah benci terhadap masyarakat Malaysia supaya mencegah peningkatan bilangan jenayah benci di Malaysia yang bermasyarakat majmuk.

2. APAKAH ITU JENAYAH BENCI?

Menurut Cassel & Bernstein, jenayah benci tidak didefinisikan hanya berdasarkan apa yang telah dilakukan tetapi atas niat dan motif yang mendorong kepada perbuatan tersebut.¹ Oleh

¹ E. Cassel & D. A. Bernstein, *Criminal Behavior*, Edisi ke-2, Lawrence Erlbaum Associates Inc., 2007, hlm 200.

itu, istilah “jenayah benci” menggambarkan sejenis jenayah dan bukannya sesuatu kesalahan tertentu bawah suatu Kanun Keseksaan. Haruslah difahamkan bahawa walaupun kebanyakan jenayah adalah didorong oleh kebencian atau dendam, tetapi bukan semuanya tergolong bawah kategori jenayah benci. Jenayah benci tidak dilakukan atas permusuhan terhadap mangsa sebagai seorang individu, tetapi permusuhannya adalah terhadap kumpulan sosial yang mana mangsa merupakan seorang ahli.² Sesuatu jenayah hanya akan membentuk jenayah benci jika mangsa di pilih atas ciri-ciri yang dilindungi bawah sesuatu perundangan jenayah benci.

Dengan itu jenayah benci telah didefinisikan oleh FBI (*Federal Bureau of Investigation*) Amerika Syarikat dalam *Violence Crime Control and Law Enforcement Act of 1994* (USA) sebagai suatu “jenayah terhadap seseorang atau harta benda, yang dimotivasi, sama ada sepenuh atau sebahagiannya, oleh sikap berat sebelah (*bias*) penjenayah terhadap kaum, agama, ketidakupayaan, etnik, kewarganegaraan atau orientasi seksual mangsa.”³ Di samping itu, *Black’s Law Dictionary* pula mendefinisikan jenayah benci sebagai “*crime motivated by the victim’s race, color, ethnicity, religion, or national origin.*”⁴ Walau bagaimanapun, ciri-ciri yang dilindungi bawah setiap perundangan jenayah benci mungkin berbeza antara negeri atau negara. Ciri-ciri yang dilindungi boleh meliputi agama, jantina, etnik, bahasa, kewarganegaraan, kecacatan, penampilan fizikal, ataupun orientasi seksual, malah kedudukan politik seseorang.

Dalam melakukan jenayah benci, motif penjenayah jenayah benci boleh ditujukan kepada seseorang sahaja ataupun sesuatu populasi tertentu. Penjenayah akan memilih dan mensasarkan mangsa berdasarkan ciri-cirinya atau persepsi penjenayah terhadap watak mangsa. Disebabkan jenayah benci hanya merupakan gambaran terhadap sesuatu jenayah, perbuatannya mungkin melibatkan pembunuhan, serangan fizikal, kerosakan harta, buli, gangguan, penderaan lisan atau penghinaan, grafiti atau surat serangan (*Hate Mail*). Secara kesimpulannya, jenayah benci adalah sesuatu perbuatan jenayah bermotifkan niat *bias* dan benci, yang dilakukan terhadap seseorang atau sekumpulan mangsa, yang dipilih berdasarkan ciri-ciri mereka yang dilindungi bawah undang-undang.

3. SIFAT JENAYAH BENCI

Disebabkan motif jenayah benci yang didorongi oleh motif *bias*, kebanyakan jenayah benci adalah bersifat impulsif, ganas dan tidak berperikemanusiaan. Berdasarkan kepada Levin & McDevitt, penjenayah jenayah benci boleh dibahagikan kepada “*thrill seekers*”, “*reactive offenders*” dan juga “*mission offenders*”.⁵ “*Thrill seekers*” biasanya terdiri daripada golongan remaja yang menyasarkan mangsa mereka secara rawak daripada golongan minoriti untuk pembulian dan keganasan. “*Mission offenders*” pula merupakan seseorang atau sekumpulan ahli kumpulan benci (*hate group*) yang mempercayai bahawa ia adalah tanggungjawab suci

² K. L. Taylor, ‘Treating Male Violence Against Women as a Bias Crime’ (1996) *Boston University Law Review* 76, hlm 575.

³ Violence Crime Control and Law Enforcement Act of 1994, Public Law No. 103-322, § 280003, 108 Stat. 2096 (1994). (USA)

⁴ B. A. Garner, *Black’s Law Dictionary*, Edisi ke-9, Thomson West, 2009, hlm 428.

⁵ J. Levin & J. McDevitt, *Hate Crimes: The Rising Tide of Bigotry and Bloodshed*, Plenum Press, New York, 1993.

mereka untuk membersihkan dunia daripada “kejahatan”, mangsanya hanya terdiri daripada mereka yang memiliki atau dianggap memiliki perwatakan yang menjadi punca kebencian “*mission offenders*”. “*Reactive offenders*” pula merupakan mereka yang melakukan jenayah benci kerana berasa terancam. “*Reactive offenders*” tidak berasa bersalah kerana menganggap perbuatan mereka sebagai suatu perlindungan diri. Biasanya apabila ancaman berhenti, kelakuan juga berhenti.⁶

Daripada pembahagian ini, dapat dilihat bahawa penjenayah jenayah benci secara umumnya adalah tidak seperti penjenayah biasa. Jenayah benci biasanya adalah teratur dan sistematik dan pelakuannya berlarutan lebih lama berbanding jenayah tadisional.⁷ Berdasarkan kajian, jenayah benci adalah empat kali ganda lebih bercenderung untuk melibatkan serangan berbanding jenayah lain.⁸ Jenayah benci yang melibatkan serangan juga berkecenderungan untuk menyebabkan cedera parah kepada mangsa dan memerlukan pemasukan hospital.⁹ Selain itu, lebih kurang dua per tiga jenayah benci melibatkan dua atau lebih penjenayah dan keadaan ini berkait rapat dengan peningkatan keparahan jenayah.¹⁰

Contoh kes yang menunjukkan keganasan jenayah benci boleh dilihat melalui kes James Byrd Jr.¹¹ di mana pada 7 Jun 1998, mangsa yang merupakan seorang lelaki berkulit hitam telah diculik ke kawasan hutan oleh 3 Orang Putih dan dipukul hingga tidak sedar diri. Mangsa kemudian dirantai ke belakang trak dan diheret untuk beberapa batu. Kepala dan tangan kanan mangsa terkoyak daripada badannya dan dijumpai dalam parit di sepanjang jalan. Dua daripada ketiga-tiga Orang Putih tersebut dipercayai terlibat dengan sebuah kumpulan “*white supremacist*” yang dikatakan melindungi ahli-ahlinya daripada banduan dan kumpulan Orang Black dan Hispanic.

Selain itu, kes yang juga menunjukkan sifat ganas jenayah benci adalah kes Matthew Shepard¹² yang berlaku hanya 4 bulan selepas kejadian kes James Bryd Jr.. Mangsa merupakan seorang pelajar University of Wyoming yang dikenali oleh ramai sebagai seorang homoseksual. Beliau telah diculik, dirompak dan dipukul dengan kejam oleh dua orang pelajar lain dan dibiarkan terikat pada pagar di kawasan terpencil. Mangsa dijumpai 18 jam selepas kejadian tersebut dan akhirnya mati selepas 6 hari di hospital. Kedua-dua kes ini telah menimbulkan perhatian ramai pada masa itu disebabkan punca jenayahnya yang berdasarkan

⁶ J. Levin & J. McDevitt, *Hate Crimes: The Rising Tide of Bigotry and Bloodshed*, Plenum Press, New York, 1993.

⁷ P. Tatchell, ‘Some People Are More Equal Than Others’, *The Hate Debate*, 2002.

⁸ S. B. Weisburd & B. Levin, ‘On the Basis of Sex: Recognizing Gender-based Bias Crimes’ (1994) *Stanford Law and Policy Review* 5(2), hlm 23.

⁹ S. B. Weisburd & B. Levin, ‘On the Basis of Sex: Recognizing Gender-based Bias Crimes’ (1994) *Stanford Law and Policy Review* 5(2), hlm 23.

¹⁰ L. Meli, ‘Hate Crime and Punishment: Why Typical Punishment Does Not Fit the Crime’ (2014) *University of Illinois Law Review* 2014(3), hlm 952.

¹¹ ‘3 Whites Indicted in Dragging Death of Black Man in Texas’, Cable News Network (CNN), 6 Julai 1998, <http://edition.cnn.com/US/9807/06/dragging.death.02/> (28 Januari 2015).

¹² ‘Gay Man Dies From Attack, Fanning Outrage and Debate’, *The New York Times*, 13 Oktober 1998, <http://www.nytimes.com/1998/10/13/us/gay-man-dies-from-attack-fanning-outrage-and-debate.html> (28 Januari 2015).

kebencian kaum dan orientasi seksual. Kes-kes inilah yang memotivasi Kongres Amerika Syarikat untuk meluluskan Undang-undang Jenayah Benci Persekutuan.

4. PERBEZAAN JENAYAH BENCI DENGAN JENAYAH TRADISIONAL

*“Hate crimes are violent manifestations of intolerance and have a deep impact on not only the immediate victim but the group with which that victim identifies him or herself. They affect community cohesion and social stability.”*¹³

- OSCE Office for Democratic Institutions and Human Rights (ODIHR, 2009)

Perbezaan utama antara jenayah benci dengan jenayah tradisional adalah impak yang dibawa oleh jenayah benci kepada mangsanya. Jenayah benci dikatakan membawa kemudaratan emosi dan psikologi yang lebih serius kepada mangsanya berbanding jenayah yang biasa. Dalam suatu kes jenayah benci, yang disasarkan oleh penjenayah bukanlah mangsa itu sendiri tetapi apa yang mangsa tersebut wakili sebagai seorang individu.¹⁴ Kajian menunjukkan bahawa mangsa jenayah benci dilaporkan menghadapi emosi seperti kemurungan, trauma, tekanan, keresahan dan kemarahan pada tahap yang lebih tinggi berbanding mangsa jenayah tradisional lima tahun selepas kejadian tersebut.¹⁵

Mangsa jenayah benci juga didapati lebih cenderung kepada *self-blame* disebabkan tekanan yang timbul akibat serangan yang dihadapi.¹⁶ Berdasarkan kepada Janoff-Bulman, mereka sama ada akan menyalahkan kelakuan diri sendiri atas apa yang berlaku (*behavioral self-blame*) atau menyalahkan identitinya sebagai seseorang yang tertentu dan cuba menyembunyikan identiti tersebut (*characterological self-blame*).¹⁷ Mangsa jenayah benci yang mengalami *characterological self-blame* lebih berkecenderungan kepada kemurungan dan pembunuhan diri akibat daripada tekanan penyembunyian identiti.¹⁸

Di samping membawa kesan serius terhadap mangsa itu sendiri, kebencian dalam sesuatu jenayah benci juga akan membawa kesan kepada masyarakat yang lebih besar yang mana mangsa merupakan seorang ahli.¹⁹ Jenayah tersebut bukan sahaja disasarkan terhadap

¹³ OSCE Office for Democratic Institutions and Human Rights (ODIHR), *Hate Crime Laws: A Practical Guide*, Poland, 2009, hlm 11.

¹⁴ T.A. Scotting, ‘Hate Crimes and the Need for Stronger Federal Legislation’ (2001) *Akron Law Review* 34(4), hlm 857.

¹⁵ M. Sullaway, ‘Psychological Perspectives on Hate Crime Laws’(2004) *Psychology, Public Policy and Law* 10(3), hlm 264.

¹⁶ L. Meli, ‘Hate Crime and Punishment: Why Typical Punishment Does Not Fit the Crime’ (2014) *University of Illinois Law Review* 2014(3), hlm 953.

¹⁷ R. Janoff-Bulman, ‘Characterological versus Behavioral Self-blame: Inquiries into Depression and Rape’ (1979) *Journal of Personality & Social Psychology* 37(10), hlm1798.

¹⁸ R. Janoff-Bulman, ‘Characterological versus Behavioral Self-blame: Inquiries into Depression and Rape’ (1979) *Journal of Personality & Social Psychology* 37(10), hlm1798.

¹⁹ J. B. Jacobs & K. Potter, *Hate Crimes: Criminal Law & Identity Politics*, Oxford University Press, New York, USA, 1998, hlm 87.

mangsa tetapi juga terhadap komunitinya secara umum.²⁰ Penjenayah berniat untuk menghantar mesej kepada seluruh kumpulan sosial mangsa dan juga kepada keluarga serta penyokongnya bahawa mereka tidak diundang dan tidak selamat dalam masyarakat tertentu.²¹

Kesan ini akan menyebabkan keresahan dalam kalangan masyarakat dan secara tidak langsung mewujudkan jurangan hubungan antara kumpulan sosial mangsa dan penjenayah. Jika tidak dikawal, akan menyebabkan kelahiran perasaan dendam dan benci mangsa dan komuniti mangsa terhadap kumpulan sosial penjenayah. Sebagai contohnya, seorang budak beretnik Afrika sering dibuli di sekolah oleh rakan Putihnya disebabkan warna kulitnya. Kian lama, budak Afrika tersebut mungkin akan mula rasa benci terhadap Orang Putih secara umum kerana pembulian yang dihadapinya. Oleh yang demikian, haruslah difahamkan bahawa niat benci merupakan sesuatu perasaan negatif yang kuat dan tiada hadnya. Jika tidak dikawal, perasaan benci tersebut akan semakin berkembang dan tertanam dalam kalangan masyarakat.

Selain impak kepada mangsa dan masyarakat, jenayah benci juga akan menjejaskan keselamatan negara. Disebabkan sifat jenayah benci yang ganas dan kesannya yang lebih luas daripada jenayah tradisional, ia berpotensi menyebabkan pemisahan masyarakat dan rusuhan awam. Keadaan ini akan memburukkan lagi ketegangan masyarakat yang sedia ada dan seterusnya menjejaskan keharmonian negara.

5. LATAR BELAKANG PERUNDANGAN JENAYAH BENCI

Fenomena jenayah benci dapat dikesan sejak tamadun purba seperti Empayar Rom yang terkenal dengan perbuatan menganiaya penganut pelbagai kumpulan agama terutamanya agama Kristian.²² Salah satu kejadian jenayah benci yang paling ketara adalah “Final Solution” Hitler yang telah membawa kepada penghapusan orang-orang Yahudi dan juga pembinaan kem-kem kematian berskala penuh oleh kumpulan Nazi. Kejadian ini yang dinamakan “The Holocaust” merupakan titik hitam dalam sejarah dunia yang menyebabkan pembunuhan berjuta-juta orang.²³ Pada kebelakangan ini, pembunuhan beramai-ramai oleh golongan ISIS (Islamic State of Iraq & Syria), iaitu kumpulan ekstremis agama, juga telah menyebabkan kematian berskala besar di Iraq dan Syria.²⁴ Kejadian-kejadian ini telah mewujudkan kesedaran kepada penduduk dunia bahawa jenayah benci merupakan suatu

²⁰ ‘Hate Crime & Hate Speech’, ILGA EUROPE, <http://www.ilga-europe.org/what-we-do/our-advocacy-work/hate-crime-hate-speech> (29 Januari 2015).

²¹ T.A. Scotting, ‘Hate Crimes and the Need for Stronger Federal Legislation’ (2001) *Akron Law Review* 34(4), hlm 864.

²² ‘History of Hate Crime’, Crime Museum, <http://www.crimemuseum.org/crime-library/history-of-hate-crime> (28 Januari 2015).

²³ ‘History of Hate Crime’, Crime Museum, <http://www.crimemuseum.org/crime-library/history-of-hate-crime> (28 Januari 2015).

²⁴ ‘Butchered and Dumped in a Mass Grave: Forensic Teams Begin Excavating 12 Sites in Tikrit Where ISIS Murdered 1,700 Shi’ite Soldiers as They Swept Across Iraq’, Daily Mail Online, 6 April 2015, <http://www.dailymail.co.uk/news/article-3028037/Forensic-teams-begin-excavating-12-mass-graves-site-Tikrit-ISIS-s-Speicher-massacre-1-700-soldiers-swept-Iraq.html> (13 April 2015).

masalah serius yang akan menjejaskan keselamatan dan keharmonian masyarakat sejagat jika tidak ditangani melalui penyelesaian yang komprehensif.

Daripada negara yang menerima pakai Undang-undang Jenayah Benci seperti UK, France, Czech Republic, Canada, Belgium, Spain, Russia etc., Amerika Syarikat memainkan peranan yang penting kerana ia adalah salah satu negara yang paling awal membincangkan isu jenayah benci dan mewujudkan suatu solusi kepada masalah ini. Amerika Syarikat juga merupakan negara yang mengubal salah satu Undang-undang Jenayah Benci yang paling komprehensif di dunia iaitu Matthew Shepard and James Byrd Jr. Hate Crimes Prevention Act atau Mathew Shepard Act yang hanya diluluskan oleh kongres Amerika Syarikat pada 22 Oktober 2009 dan ditandatangani menjadi undang-undang oleh Presiden Barack Obama pada 28 Oktober 2009, 11 tahun selepas kejadian kes Matthew Shepard dan James Byrd Jr.²⁵

Undang-undang baru ini telah mengembangkan lagi skop Undang-undang Persekutuan Amerika Syarikat yang sebelum ini hanya menangani isu kumpulan kecil jenayah benci yang dilakukan atas dasar bangsa, agama, negara asal atau penglibatan seseorang dalam aktiviti yang dilindungi seperti pengundian. Matthew Shepard Act telah menampung lubang-lubang undang-undang lama yang tidak menangani jenayah benci yang dilakukan berdasarkan motif *bias* terhadap orientasi seksual, jantina, identiti jantina atau ketidakupayaan seseorang, serta mereka yang tidak mempunyai pertalian dengan aktiviti yang dilindungi kerajaan persekutuan.²⁶

Undang-undang jenayah benci secara umumnya berperanan menangani isu jenayah benci dengan mengenakan hukuman tambahan terhadap sesuatu jenayah yang dilakukan dengan niat benci. Walau bagaimanapun, peranan paling penting Undang-undang Jenayah Benci adalah untuk menyebarkan mesej kepada masyarakat bahawa diskriminasi dan rasisme adalah kelakuan yang keji dan harus dibanteras. Semua jenayah adalah keji, tetapi jenayah yang dilakukan dengan niat benci dan diskriminasi adalah lebih keji kerana motif dan mesejnya yang ditujukan kepada manusia dan hanya terhadap manusia sahaja, walaupun jenayah yang dilakukan mungkin adalah terhadap sesuatu harta benda. Dan disebabkan mentaliti penjenayah yang ekstrem dan ganas, perbuatan-perbuatan seperti ini akan mengancam keharmonian dunia serta keselamatan golongan masyarakat yang lebih luas jika kebencian dipropagandakan. Oleh yang demikian, undang-undang ini adalah penting dalam mendidik masyarakat tentang kesan negatif pelakuan jenayah benci dan kewujudan niat benci itu sendiri.

6. ELEMEN-ELEMEN PENTING JENAYAH BENCI

Terdapat dua elemen penting dalam membuktikan suatu jenayah benci iaitu suatu **jenayah** yang dilakukan dengan **motif bias**.²⁷

²⁵ 'Obama Signs Hate Crimes Bill Into Law', Cable News Network (CNN), 28 Oktober 2009, <http://edition.cnn.com/2009/POLITICS/10/28/hate.crimes/> (30 Januari 2015).

²⁶ D. Aisaka & R. Clune, 'Hate Crime Regulation and Challenges' (2013) *The Georgetown Journal of Gender and The Law* 14, hlm 472.

²⁷ OSCE Office for Democratic Institutions and Human Rights (ODIHR), *Hate Crime Laws: A Practical Guide*, Poland, 2009, hlm 16.

Elemen yang pertama memerlukan suatu perbuatan yang membentuk satu kesalahan bawah undang-undang jenayah yang biasa.²⁸ Penjenayah mesti telah melakukan sesuatu jenayah seperti pembunuhan atau pemusnahan harta. Perbuatan jenayah ini dikenali sebagai “jenayah asas”. ‘Jenayah asas’ bermaksud kesalahan dalam bentuk kemusnahan terhadap manusia, harta benda atau masyarakat. Pembentukan suatu jenayah benci memerlukan suatu “jenayah asas” dilakukan oleh penjenayah dan jika tidak wujudnya “jenayah asas” tersebut, maka ia tidak tergolong sebagai jenayah benci.²⁹ Walau bagaimanapun, kesalahan tersebut boleh terbentuk kepada suatu kesalahan *hate speech* atau kesalahan bawah Undang-undang Anti-diskriminasi.

Elemen yang kedua pula adalah motif *bias* atau benci penjenayah. Ini adalah kerana apa yang membezakan jenayah benci daripada jenayah yang biasa adalah motifnya yang berasaskan kebencian dan niat *bias* terhadap suatu kumpulan masyarakat yang dilindungi bawah Undang-undang Jenayah Benci. Motif tersebut boleh disasarkan kepada seseorang atau sekumpulan orang, ataupun terhadap harta benda, yang mempunyai ciri-ciri tertentu yang dibenci oleh penjenayah tersebut. Kelakuan penjenayah mestilah didorong oleh niat benci dan niat tersebut mestilah niat yang “istimewa” dan bukannya niat benci yang biasa seperti dendam peribadi.³⁰

Berdasarkan kepada definisi jenayah benci yang dinyatakan oleh kerajaan Amerika Syarikat dalam *Violence Crime Control and Law Enforcement Act of 1994 (USA)*, iaitu “*a crime in which the defendant intentionally selects a victim, or in the case of property crime, the property that is the object of the crime, because of the **actual or perceived** race, color, religion, national origin, ethnicity, gender, disability, or sexual orientation of any person.*”³¹, mangsa boleh disasarkan berdasar ciri-ciri sebenarnya atau persepsi penjenayah terhadap ciri-ciri mangsa tersebut. Adakah kesalahan persepsi penjenayah terhadap ciri-ciri mangsa akan menyebabkan jenayah tersebut tidak termasuk sebagai suatu jenayah benci? Jawapannya adalah tidak. Seseorang penjenayah jenayah benci boleh memilih mangsa atas suatu kesilapan persepsi (*mistakes in perception*) tetapi masih didakwa bawah Undang-undang Jenayah Benci.³²

Hal ini demikian kerana pembuktian bagi suatu jenayah benci bukannya melihat kepada ciri-ciri sebenar mangsa tetapi ia adalah dibuktikan berdasarkan motif penjenayah. Walaupun penjenayah tersalah persepsi terhadap ciri-ciri mangsanya, ia tidak menghalang pembentukan suatu jenayah benci kerana motifnya telah didorong oleh niat *bias* terhadap ciri-ciri yang dilindungi bawah undang-undang. Tidak dapat dinafikan bahawa mangsa telah

²⁸ P. B. Gerstenfeld, *Hate Crimes: Causes, Controls, and Controversies*, Sage Publications Inc., United States of America, 2004, hlm 9.

²⁹ OSCE Office for Democratic Institutions and Human Rights (ODIHR), *Hate Crime Laws: A Practical Guide*, Poland, 2009, hlm 16.

³⁰ P. B. Gerstenfeld, *Hate Crimes: Causes, Controls, and Controversies*, Sage Publications Inc., United States of America, 2004, hlm 9.

³¹ Violence Crime Control and Law Enforcement Act of 1994, Public Law No. 103-322, § 280003, 108 Stat. 2096 (1994). (USA)

³² OSCE Office for Democratic Institutions and Human Rights (ODIHR), *Hate Crime Laws: A Practical Guide*, Poland, 2009, hlm 50.

dipilih dengan sengaja berdasarkan niat benci penjenayah terhadap sesuatu ciri-ciri yang dilindungi. Dengan itu, elemen kedua jenayah benci terbentuk.

7. PEMBUKTIAN DAN HUKUMAN

Dalam membuktikan suatu jenayah bawah suatu undang-undang jenayah, kewujudan *actus reus* dan *mens rea* adalah penting. *Actus Reus* (perbuatan jenayah) dan *mens rea* (niat) merupakan elemen-elemen yang membentuk sesuatu kesalahan jenayah. *Mens rea* bagi jenayah tradisional mementingkan niat dan pengetahuan penjenayah terhadap sifat dan kesan perbuatannya berbanding motif yang mendorong kepada perbuatan tersebut.³³ Motif iaitu sebab kepada sesuatu perbuatan bukan merupakan asas kepada kesalahan jenayah. Undang-undang Jenayah tidak mengambil kira motif penjenayah asalnya *actus reus* dan *mens rea* dibuktikan. Tidak kira apa sebab sesuatu pembunuhan dilakukan, asalnya penjenayah mempunyai niat dan pengetahuan untuk menyebabkan kematian dan telah bertindak berdasarkan niat dan pengetahuan tersebut, maka dia adalah bersalah bawah Undang-undang Jenayah.

Walau bagaimanapun, Jenayah benci merupakan kecualian kepada prinsip ini. Elemen utama yang membentuk suatu jenayah benci bukan *actus reus* dan *mens rea*, tetapi motifnya. Ketiadaan motif atau niat *bias* dan kebencian dalam suatu kes jenayah benci akan menyebabkan jenayah tersebut tidak dapat didakwa bawah Undang-undang Jenayah Benci. *Actus reus* dan *mens rea* hanya membuktikan “jenayah asas” yang telah dilakukan. Pendakwa raya mestilah membuktikan niat kebencian penjenayah yang mendorong kepada “jenayah asas” tersebut sekiranya ingin membuktikan kewujudan jenayah benci.

Hukuman jenayah benci biasanya melibatkan penambahan hukuman kepada hukuman asalnya. Bagi sesuatu jenayah tradisional, sekiranya dapat dibuktikan kewujudan elemen jenayah benci melalui motifnya, kes tersebut akan dihukum bawah Undang-undang Jenayah Benci sebagai tambahan kepada hukuman asalnya. Contohnya, hukuman maksima asal bagi kesalahan menyebabkan cedera parah adalah 7 tahun, tetapi bawah suatu Undang-undang Jenayah Benci, hukuman tersebut boleh dilanjutkan melepasi 7 tahun. Bagi negara tertentu, suatu kesalahan kecil boleh berubah menjadi sesuatu feloni jika perbuatan didorong niat benci.³⁴ Haruslah difahamkan bahawa hukuman bawah Undang-undang Jenayah Benci adalah sejenis penambahan hukuman (*penalty enhancement*), bukannya suatu *double jeopardy*.

Sebagai contohnya, sekira Undang-undang Jenayah Benci terpakai di Malaysia, perlakuan pembakaran gereja bukan sahaja akan dituduh bawah Seksyen 436 Kanun Keseksaan yang menetapkan hukuman maksima sebanyak dua puluh tahun, malah, jika dapat dibuktikan wujudnya niat kebencian terhadap agama yang mendorong kepada pembakaran gereja tersebut, maka hukuman tambahan akan dikenakan bawah Undang-undang Jenayah Benci terhadap sitertuduh dengan melanjutkan had dua puluh tahun kepada lebih daripada dua puluh tahun. Oleh itu, Undang-undang jenayah benci tidak mengenakan hukuman baru yang dilaksanakan bersertaan dengan hukuman sedia ada tetapi ia hanya melanjutkan had maksima hukuman asal tersebut.

³³ K. D. Gaur, *Criminal Law: Cases and Materials*, N.M. Tripathi Private Limited, Bombay, 1985, hlm 34.

³⁴ P. B. Gerstenfeld, *Hate Crimes: Causes, Controls, and Controversies*, Sage Publications Inc., United States of America, 2004, hlm 26.

8. KESIMPULAN

Kesimpulannya, jenayah benci adalah suatu jenayah yang dilakukan terhadap seseorang atau sekumpulan orang, sama ada kumpulan minoriti atau majoriti, yang didorong oleh, sama ada keseluruhan atau sebahagian, niat *bias* dan kebencian terhadap ciri-ciri sebenar atau persepsi penjenayah terhadap ciri-ciri seseorang atau sekumpulan orang tersebut, yang dilindungi bawah suatu Undang-undang Jenayah Benci. Jenayah benci tidak akan terbentuk tanpa kewujudan motif *bias* dan kebencian.

Untuk memahami konsep sebenar jenayah benci, kesalahan-kesalahan seperti genocide, *hate speech* dan Undang-undang Anti-diskriminasi harus dibezakan daripada jenayah benci. Jenayah benci memerlukan pelakuan sesuatu 'jenayah asas' bawah Undang-undang Jenayah yang dilakukan terhadap manusia, harta benda atau masyarakat, bukannya perucapan atau diskriminasi semata-mata manakala genosid tidak digolongkan sebagai jenayah benci kerana ia lebih bersifat luas dan ekstensif berbanding jenayah benci yang merupakan perundangan peringkat domestik.

RUJUKAN

- Aisaka, D. & Clune, R. 2013. Hate Crime Regulation and Challenges. *The Georgetown Journal of Gender and The Law* 14: 469-487.
- Cable News Network (CNN). 2009. Obama Signs Hate Crimes Bill Into Law. 28 Oktober. <http://edition.cnn.com/2009/POLITICS/10/28/hate.crimes/> [30 Januari 2015].
- Cable News Network (CNN). 1998. 3 Whites Indicted in Dragging Death of Black Man in Texas. 6 Julai. <http://edition.cnn.com/US/9807/06/dragging.death.02/> [28 Januari 2015].
- Cassel, E. & Bernstein D. A. 2007. *Criminal Behavior*. Edisi ke 2. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates Inc.
- Crime Museum. History of Hate Crime. <http://www.crimemuseum.org/crime-library/history-of-hate-crime> [28 Januari 2015].
- Daily Mail Online. 2015. Butchered and Dumped in a Mass Grave: Forensic Teams Begin Excavating 12 Sites in Tikrit Where ISIS Murdered 1,700 Shi'ite Soldiers as They Swept Across Iraq. 6 April. <http://www.dailymail.co.uk/news/article-3028037/Forensic-teams-begin-excavating-12-mass-graves-site-Tikrit-ISIS-s-Speicher-massacre-1-700-soldiers-swept-Iraq.html> [13 April 2015].
- Garner, B. A.. 2009. Black's Law Dictionary. 2009. Edisi ke 9. USA: Thomson West.
- Gaur, K. D. 1985. *Criminal Law: Cases and Materials*. Bombay: N.M. Tripathi Private Limited.
- Gerstenfeld, P. B. 2004. *Hate Crimes: Causes, Controls, and Controversies*, USA: Sage Publications Inc.
- ILGA EUROPE. Hate Crime & Hate Speech. <http://www.ilga-europe.org/what-we-do/our-advocacy-work/hate-crime-hate-speech> [29 Januari 2015].
- Jacobs, J. B. & Potter, K. 1998. *Hate Crimes: Criminal Law & Identity Politics*, New York: Oxford University Press.
- Janoff-Bulman, R. 1979. Characterological versus Behavioral Self-blame: Inquiries into Depression and Rape. *Journal of Personality & Social Psychology* 37(10): 1798-1809.
- Levin, J. & McDevitt, J. 1993. *Hate Crimes: The Rising Tide of Bigotry and Bloodshed*. New York: Plenum Press.

- Meli, L. 2014. Hate Crime and Punishment: Why Typical Punishment Does Not Fit the Crime. *University of Illinois Law Review* 2014(3): 921-966.
- OSCE Office for Democratic Institutions and Human Rights (ODIHR). 2009. *Hate Crime Laws: A Practical Guide*. Poland.
- Scotting, T.A. 2001. Hate Crimes and the Need for Stronger Federal Legislation. *Akron Law Review* 34(4): 853-892.
- Sullaway, M. 2004. Psychological Perspectives on Hate Crime Laws. *Psychology, Public Policy and Law* 10(3): 250-292.
- Tatchell, P. 2002. Some People Are More Equal Than Others. The Hate Debate.
- Taylor, K. L. 1996. Treating Male Violence Against Women as a Bias Crime. *Boston University Law Review* 76: 575-604.
- The New York Times. 1998. Gay Man Dies From Attack, Fanning Outrage and Debate. 13 Oktober. <http://www.nytimes.com/1998/10/13/us/gay-man-dies-from-attack-fanning-outrage-and-debate.html> [28 Januari 2015].
- Weisburd, S. B. & Levin, B. 1994. On the Basis of Sex: Recognizing Gender-based Bias Crimes. *Stanford Law and Policy Review* 5(2): 21-47.